

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN)

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status penggabungan MAVCOM dan CAAM dan bilakah rang undang-undang yang berkaitan akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan proses rasionalisasi ini dilaksanakan dengan lancar, Kementerian Pengangkutan pada tahun 2020 telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Rasionalisasi Badan Kawal Selia Di Bawah Satu Entiti (Pasukan Petugas Khas) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri serta kementerian/agensi pusat berkaitan.

Penubuhan Pasukan Petugas Khas ini bertujuan untuk membincangkan secara terperinci struktur, fungsi, bidang kuasa, serta implikasi perjawatan, kewangan dan perundangan ekoran pembubaran MAVCOM dan pemindahan fungsi MAVCOM kepada CAAM.

Pasukan Petugas Khas ini bertanggungjawab untuk memastikan pelan rasionalisasi ini dilaksanakan secara teratur mengikut skop tugas masing-masing termasuk menyelesaikan isu-isu berbangkit seperti kecekapan urus tadbir, kualiti penyampaian perkhidmatan, kerenah birokrasi, kebajikan kakitangan MAVCOM sedia ada, serta memastikan peraturan-peraturan yang akan dikenakan oleh CAAM kelak, sebagai sebuah badan kawal selia ekonomi dan teknikal, adalah mesra perniagaan dan pelaburan.

Mesyuarat Pasukan Petugas Khas telah bersidang sebanyak lima (5) kali iaitu pada 10 Januari 2020, 23 Jun 2020, 19 Oktober 2020, 30 Mac 2021 dan 30 November 2021.

Mengikut perancangan, sekiranya Jemaah Menteri bersetuju dengan MJM mengenai fungsi-fungsi entiti baharu CAAM, RUU merangkumi pembubaran MAVCOM, pemansuhan Akta 771 MAVCOM dan pindaan Akta 788 CAAM dijadual untuk dibentangkan pada tahun 2022. Hal ini mengambilkira kompleksiti pindaan terhadap Akta 771

NO. SOALAN : 31

MAVCOM, Akta 788 CAAM dan Akta Penerbangan Awam 1969 (Akta 3) yang akan melibatkan pindaan substantif secara besar-besaran.